

## BAB EMPAT

### RUMUSAN DAN CADANGAN

#### 4.0 PENDAHULUAN

Bab ini akan menampilkan rumusan bagi keseluruhan perkara yang telah dibentangkan pada bab-bab yang lalu. Pengkaji akan menjelaskan cadangan-cadangan yang difikirkan sesuai bagi mengatasi permasalahan yang timbul. Cadangan-cadangan tersebut akan ditampilkan bersama pandangan-pandangan responden. Selain itu, pengkaji juga mencadangkan kajian lanjutan dan mengakhiri kajian ini dengan penutup.

#### 4.1 RUMUSAN

Berdasarkan perbincangan dalam bab-bab yang lalu, pengkaji merumuskan bahawa kemahiran mengaplikasi pengetahuan nahu Arab dalam menyampaikan frasa ayat Arab adalah sesuatu yang sangat mengujakan. Pengetahuan berkaitan nahu tidak memadai sekiranya tidak disusuli dengan kemahiran mengaplikasikan ilmu tersebut dalam bentuk penyampaian dan komunikasi. Dapatan pemerhatian dari khutbah Jumaat telah membuktikan kelemahan tersebut berlaku. Malah kalau dikembangkan pemerhatian kepada pelbagai aspek dan pelaksanaan tugas lain seperti memberi kuliah, tazkirah, ceramah, mengajar kelas agama, membaca doa,

nota kuliah dan lain-lain lagi, pastinya lebih banyak data dapat diperolehi. Ini juga dapat dibuktikan melalui pemerhatian awal pengkaji secara umum seperti yang telah disenaraikan dalam bab satu pada perkara 1.2 (Sila rujuk halaman 10-12).

Semua data yang diperolehi menggambarkan secara keseluruhannya tentang keperluan para petugas agama menguasai bahasa Arab terutama pada aspek nahu dan *saraf*. Kemampuan dan kemahiran mengendalikan bahasa Arab berbetulan dengan peraturan nahu dan *saraf* akan menjamin pelaksanaan tugas yang lebih cekap dan lebih diyakini. Satu tindakan yang tidak seharusnya diabaikan oleh pihak bertanggungjawab ialah menyediakan program latihan kepada para petugas agama dalam memantapkan penguasaan bahasa Arab mereka.

## **4.2 CADANGAN**

Pengkaji telah mengenal pasti beberapa perkara yang perlu diambil perhatian sama ada oleh individu petugas agama ataupun pihak berkenaan yang menaungi para petugas agama tersebut dalam usaha meningkatkan kemahiran dan penguasaan bahasa Arab mereka. Di antaranya ialah :-

### **4.2.1 KESEDARAN DAN MOTIVASI KE ARAH MEMPELAJARI DAN MENGUASAI BAHASA ARAB.**

- i. Meningkatkan kesedaran secara menyeluruh dalam kalangan para petugas agama tentang keperluan menguasai bahasa Arab untuk memantapkan pelaksanaan tugas hal ehwal Islam.
- ii. Memberi kesedaran dan motivasi kepada setiap individu petugas agama agar berusaha mempelajari dan meningkatkan pengetahuan bahasa Arab.
- iii. Memberi ruang dan peluang latihan kepada para petugas agama dalam usaha mempelajari dan menguasai bahasa Arab.

Data yang diperolehi oleh pengkaji menunjukkan kesedaran yang tinggi dalam kalangan penyampai agama dalam usaha menguasai bahasa Arab. Namun begitu, masih terdapat sebilangan kecil responden yang seolah-olah tidak dapat menerima hakikat mengenai kepentingan bahasa tersebut.

Keadaan ini menunjukkan bahawa kesedaran mereka terhadap kepentingan bahasa Arab berada di tahap yang mengecewakan. Oleh itu, kesedaran mengenai perkara ini perlu dibangkitkan segera secara menyeluruh (tanpa terkecuali) demi melahirkan petugas agama yang berkaliber dan berkeyakinan agar dapat mencapai tahap keberkesanan yang maksima dalam menjalankan tugas-tugas agama. Kesedaran ini juga perlu disusuli

dengan tindakan dan daya usaha individu tersebut untuk mempelajari bahasa Arab dengan tekun berserta komitmen yang tinggi.

Mempelajari dan menguasai ilmu berkaitan bahasa ini perlu untuk dijadikan panduan bagi merujuk bahan-bahan bacaan Arab, bukan sahaja al-Quran dan al-Hadith, malahan kitab-kitab rujukan Arab yang sepatutnya menjadi rujukan utama petugas agama. Lebih dari itu, kaedah ini penting untuk dijadikan panduan dalam menuturi sesuatu ucapan Arab dengan fasih, lancar, betul mengikut nahu dan terjemahannya yang sebenar.

Melihat kepada realiti sekarang, bahasa Arab hanya dikuasai oleh golongan-golongan tertentu sahaja khususnya mereka yang mempelajarinya dengan tekun dan mendalam. Manakala mereka yang tidak mempelajarinya atau cetek penguasaan terhadap bahasa tersebut akan terus menjauhinya sekalipun mereka mempunyai kepentingan dengan bahasa tersebut di alam pekerjaan mereka.

Hasil kajian juga menunjukkan tahap penguasaan bahasa Arab kumpulan berkenaan secara keseluruhannya berada di tahap sederhana dan lemah. Justeru kesedaran yang timbul dalam kalangan para petugas hal ehwal agama tersebut perlu disusuli dengan menyediakan program latihan dan pembangunan sumber manusia yang menjurus kepada aspek-aspek

kelemahan yang disedari. Melalui persetujuan ramai bahawa petugas agama perlu mengetahui selok belok bahasa Arab, maka pihak yang berkenaan perlu menyediakan pentas atau 'platform' kepada mereka untuk memiliki dan menguasai kemahiran berbahasa Arab melalui program-program latihan.

Data mengenai usia para petugas agama yang diperolehi daripada soal selidik mendapati seramai 62 orang (32.5%) berusia 50 tahun ke atas dan 72 orang (37.7%) berusia 60 ke atas. Jika dicampurkan kedua-dua jumlah tersebut akan menunjukkan 70.2 % iaitu seramai 134 orang (dari 191 responden) berumur di antara 50 hingga 70 tahun. Data perolehan ini boleh memberi gambaran awal kepada pihak berkenaan mengenai kaedah dan pendekatan yang perlu difikirkan kepada kumpulan tersebut. Pengkaji melihat situasi ini akan menjadi cabaran utama dalam usaha pihak berkenaan memberi motivasi dan melaksanakan program latihan.

Seksyen 65(2), Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perak 1992 menetapkan bahawa tiada imam atau bilal boleh menjawat jawatan itu selepas mencapai umur enam puluh (60) tahun, dengan syarat Majlis (MAIAMP) boleh dalam keadaan tertentu melanjutkan tempoh perkhidmatan mana-mana imam atau bilal yang berumur lebih daripada enam puluh tahun atas syarat-syarat yang difikirkan perlu. Perkara ini juga

perlu dipertimbangkan sewajarnya ke atas mereka yang benar-benar layak dan tidak sepatutnya diambil mudah menyambung khidmat mereka yang terbukti lemah dan tidak berkualiti.

Kegagalan petugas agama menghayati kepentingan menguasai bahasa Arab dalam menjalankan tugas akan mengundang pelbagai kelemahan dalam menampilkan bahasa tersebut, bahkan akan mengurangkan kepercayaan ummah terhadap kemampuannya berkhidmat untuk kecemerlangan agama.

Berdasarkan data temuramah, pengkaji melihat keperluan meningkatkan pengetahuan bahasa Arab yang mesti diberi perhatian serius sama ada oleh individu petugas agama tersebut atau oleh pihak yang berkenaan. Individu berkenaan bolehlah berusaha mengikut kemampuan dan cara sendiri serta bebas memilih mana-mana kaedah untuk meningkatkan pengetahuan bahasa Arab terutama aspek nahu dan *saraf*. Manakala pihak yang bertanggungjawab ke atas individu tersebut perlu merancang dan menyediakan program latihan yang lebih sistematik dan berkesan bagi memenuhi keperluan semua para petugas agama di bawah seliaan mereka.

## 4.2.2 PENYELESAIAN DRASTIK

### **Pemilihan Jawatan Imam/Khatib**

Pengkaji melihat kesilapan demi kesilapan berkaitan bahasa Arab yang dilakukan oleh para imam/khatib semasa menyampaikan khutbah dapat diminimakan dan mungkin berupaya diselesaikan sekiranya langkah drastik diambil oleh pihak berwajib. Langkah drastik yang dimaksudkan ialah dengan mengisi jawatan imam/khatib dari kalangan mereka yang betul-betul berkecukupan seperti para graduan institusi tahfiz yang kini semakin ramai di bumi Malaysia. Mungkin sudah tiba masanya golongan ini diberi mandat mentadbir dan mengurus masjid serta memimpin masyarakat di peringkat kariah. Cadangan ini bukan suatu perkara yang baru, malah telah disuarakan sejak dulu lagi. Oleh kerana pelaksanaannya melibatkan kos yang tinggi, maka ia tidak dapat dilaksanakan secara menyeluruh. Sehubungan itu, pengkaji menuntut pihak-pihak berkenaan melihat semula keperluan ini demi memartabatkan ummah ke mercu kegemilangan. Alangkah berbangga seluruh umat Islam di bumi Malaysia sekiranya di setiap kariah mereka terdapat seorang hafiz yang mampu mengurus institusi masjid dengan jayanya. Maka bertebaranlah para *huffaz* di seluruh pelusuk di Malaysia. Moga terserlah kehebatan mereka, lantaran mendapat keberkatan dariNya.

#### 4.2.3 PENYELESAIAN JANGKA PENDEK

Berikut cadangan penyelesaian jangka pendek :-

##### 1) Kamus Bahasa Arab

Pengkaji ingin mencadangkan kepada pihak berkenaan supaya membekalkan kamus bahasa Arab kepada semua petugas agama. Kamus tersebut boleh diselaraskan kepada semua setelah dikenal pasti mana yang sesuai dan mudah dibuat rujukan.

Sehubungan itu, pihak berkenaan juga perlu memberi latihan yang menjelaskan panduan serta kaedah menyemak kamus bagi mencari perkataan-perkataan tertentu yang diperlukan. Secara tidak langsung mereka akan menjadi prihatin terhadap isu-isu *saraf* dan isu-isu yang berkaitan dengan *dila:lat*.

Dengan kewujudan kamus bahasa Arab dan pengetahuan serta panduan yang dibekalkan, maka setiap individu petugas agama perlu menjadikan kamus tersebut sebagai rakan akrab dalam usaha meningkatkan pengetahuan bahasa Arab. Amalan ini akan menimbulkan keperihatinan terhadap bahasa Arab dan mampu mencapai matlamat ke arah penguasaan bahasa tersebut.



## 2) Mengumpul Bahan-bahan Bahasa Arab

Pihak berkenaan perlu mengumpul bahan-bahan bahasa Arab yang biasa disampaikan oleh para petugas agama terutama bahan-bahan bahasa Arab yang disampaikan oleh para imam dan khatib. Ini kerana mereka adalah golongan petugas agama yang paling ramai berkhidmat dalam masyarakat berbanding jawatan-jawatan lain dan bilangan ramai tersebut menyebabkan mereka terdedah dengan pelbagai kesilapan. Di antara bahan-bahan bahasa Arab yang dikenalpasti oleh pengkaji ialah seperti berikut :

- a. Khutbah Jumaat (Pendahuluan khutbah/ayat al-Quran/Penutup)
- b. Doa-doa selepas Solat
- c. Wirid-wirid selepas Solat
- d. Doa Tahlil / Doa selepas bacaan surah Yaasin.
- e. Doa Majlis dan lain-lain.

Setelah bahan-bahan tersebut dikumpulkan, satu latihan bacaan dan penyampaian perlu diadakan untuk mengenal pasti tempat-tempat yang biasanya berlaku kesilapan nahu dan *saraf*.

Setelah dikenal pasti kesilapan, penerangan perlu diberikan secara jelas mengenai kaedah bahasa Arab serta menghurai kesan-kesan kesilapan ke atas struktur ayat dan makna.

Hasil temuramah mendapati bahawa mutakhir ini terdapat usaha pihak Pejabat Agama bagi mengatasi masalah kesilapan para imam/khatib ketika menyampaikan khutbah dengan mengadakan sesi pra bacaan teks. Sesi ini diadakan selama satu jam pada setiap hari rabu iaitu hari yang dikhususkan kepada para imam/khatib bertugas mengambil teks khutbah. Selain itu, cadangan supaya para imam/khatib diwajibkan mengikuti latihan bahasa Arab khususnya dalam bidang nahu dan *saraf* wajar diberi perhatian.

#### **4.2.4 PENYELESAIAN JANGKA PANJANG**

Berikut cadangan penyelesaian jangka panjang :-

##### **1) MERANGKA PROGRAM DAN MODUL LATIHAN YANG BERFOKUS KE ARAH PENGUASAAN BAHASA ARAB**

Dalam menjalankan program latihan ini, pihak berkaitan perlu menyediakan buku teks atau modul latihan yang sesuai kepada

kumpulan sasaran dalam proses memantapkan bahasa Arab untuk menjamin keterampilan dan keyakinan diri ketika menjalankan tugas. Implikasi buruk jika latihan ini tidak dijalankan ialah masyarakat akan berterusan memandang rendah terhadap kredibiliti petugas agama lantaran tiada kesedaran dalam diri petugas agama itu sendiri untuk mempersiapkan diri dengan membuat penambahbaikan bagi memantapkan penguasaan dan penyampaian bahasa Arab. Penyediaan modul dan teks tersebut perlu mengambil kira keperluan utama dan tanggungjawab asas berkaitan bidang kerja petugas agama tersebut.

Program latihan ini juga perlu mengambil kira asas yang mungkin telah sedia ada pada individu petugas agama. Manakala latihan secara intensif perlu diberikan kepada petugas agama yang bukan dari latar belakang pendidikan agama.

Hasil kajian juga menunjukkan sebilangan besar para petugas agama mengakui bahawa semua bidang perlu diberi perhatian dalam menguasai bahasa Arab. Namun pengkaji berpendapat bahawa mempelajari semua bidang tersebut memerlukan jangka masa yang sangat panjang bagi petugas agama. Apatah lagi dalam kesibukan menjalankan tanggungjawab dan tugas harian.

Pengkaji melihat isu-isu nahu perlu diketengahkan terlebih dahulu berdasarkan banyak kesilapan yang dilakukan berkaitan dengannya. Seperti yang telah dinyatakan di atas, modul khusus perlu dirangka supaya proses latihan dan pembangunan tersebut lebih terarah dan terfokus pada isu utama.

Oleh kerana kebanyakan program latihan lebih melibatkan perkara-perkara yang menjurus ke arah pemantapan pengurusan, pentadbiran, isu-isu *fasa:hah* dan tajwid al-Quran terutama bagi pegawai-pegawai masjid, maka pengkaji mengharapkan pihak berkenaan dapat melihat isu penguasaan bahasa Arab dalam kalangan petugas agama juga merupakan isu yang perlu diberi perhatian serius dan utama.

Berdasarkan temubual pengkaji dengan Mantan Penyelaras Masjid, Pejabat Agama Seri Iskandar, beliau menegaskan bahawa kebanyakan latihan yang dianjurkan oleh pihak Pejabat Agama Seri Iskandar dan Pihak Jabatan Agama Islam Perak lebih melibatkan isu-isu membetulkan bacaan di sudut kefasihan sebutan huruf dan hukum tajwid. Beliau juga mengakui bahawa terdapat kesilapan para khatib berkaitan isu-isu bahasa Arab yang melibatkan nahu, namun

tiada usaha ke arah menentengahkan isu-isu tersebut dalam program latihan sebagai langkah penyelesaian.

Justeru itu, pengkaji mengharapkan pihak berkenaan dapat menilai semula program latihan kepada petugas agama khususnya para Imam/Khatib supaya dapat meliputi isu-isu bahasa Arab yang berkaitan nahu dan *saraf* bahkan program latihan tersebut perlu wajib dihadiri oleh para imam dan khatib.

Pada akhir-akhir ini, pihak Pejabat Agama Seri Iskandar mula menunjukkan usaha untuk meningkatkan kecekapan penyampaian para khatib dengan mengadakan sesi semakan dan pra bacaan teks khutbah. Matlamatnya ialah untuk mengelak sebarang kesilapan dan memastikan penyampaian khutbah lancar dan berkesan. Pengkaji turut membuat pemerhatian secara rambang di beberapa buah masjid di kawasan perkampungan bagi melihat keberkesanan sesi pra bacaan teks khutbah tersebut. Sehubungan itu, pengkaji mendapati ada sedikit keberkesanannya dalam penyampaian khutbah para khatib. Walau bagaimanapun, program latihan yang lebih terancang pastinya akan memberi kesan yang mendalam serta berterusan.

## 2) KELAS BAHASA ARAB

Pengkaji mencadangkan pihak berkenaan mewujudkan Kelas Bahasa Arab sebagai salah satu pendekatan berkesan dalam usaha meningkatkan penguasaan bahasa Arab di kalangan para petugas agama.

Pihak berkenaan boleh bekerjasama dengan institusi pendidikan yang ada di persekitaran para petugas agama supaya program latihan ini dapat dilaksanakan dengan lebih menyeluruh. Kepakaran yang ada di persekitaran tersebut perlu dimanfaatkan sepenuhnya supaya ia dilihat turut membantu dan menyumbang ke arah mencipta kegemilangan para petugas agama. Selain itu, kelas-kelas kemahiran bahasa Arab yang diwujudkan oleh pihak persendirian di persekitaran tersebut juga boleh dimanfaatkan oleh mereka. Mungkin pihak jabatan berkenaan boleh membantu dengan menyalurkan kos latihan tersebut.

Kelas Bahasa Arab ini mesti dilaksanakan secara formal dan mengikut jadual latihan yang sentiasa dipantau oleh pihak bertanggung jawab. Pencapaian para petugas agama dinilai melalui kaedah penilaian berterusan sama ada dilakukan di dalam kelas atau semasa mereka melaksanakan tugas.

### 3) KELAS BIMBINGAN BAHASA ARAB

Pengkaji turut mencadangkan pihak berkenaan mewujudkan Kelas Bimbingan Bahasa Arab di masjid-masjid sebagai langkah pembelajaran berterusan selain kewujudan Kelas Bahasa Arab seperti yang dinyatakan sebelum ini. Kelas bimbingan ini boleh dilaksanakan dengan mengambil manfaat daripada modul-modul bahasa Arab yang dicadangkan seperti Buku Teks Bahasa Arab untuk Pelajar Dewasa ( Ibrahim Abdullah : 2003) dan Modul Bahasa Arab Untuk Tujuan Ibadah ( Mohd Puzhi : 2007).

Kelas bimbingan ini boleh dibuka kepada umum sebagai langkah menyeluruh dalam membina kesedaran ummah terhadap kepentingan bahasa Arab terutama dalam hal berkaitan pelaksanaan ibadah. Namun begitu, penyertaan para petugas agama digalakkan dan diberi keutamaan.

Kelas bimbingan ini mampu memberi ruang masa yang secukupnya kepada para peserta untuk membincangkan isu-isu nahu dan *saraf* dengan lebih mendalam dan meluas. Para peserta boleh bersoal jawab dengan tenaga pembimbing tanpa segan silu jika ada persoalan atau kesamaran. Oleh itu, pelaksanaannya tidak harus dilihat terlalu formal.

### 4.3 CADANGAN UNTUK KAJIAN LANJUTAN

Setelah kajian ini membentangkan permasalahan para petugas agama berkaitan kelemahan dalam menyampaikan bahasa Arab yang lebih berfokus kepada isu-isu nahu dan *saraf*, maka pengkaji mencadangkan kajian lanjutan berkaitan dengan program-program latihan ke arah memantapkan bahasa Arab dalam kalangan golongan tersebut perlu dibuat. Selain itu, modul-modul khusus bahasa Arab yang berfokus kepada nahu dan *saraf* perlu dirangka bagi merealisasikan tujuan latihan tersebut.

Banyak pihak telah membantu dalam membuat kajian dan merangka pelbagai modul serta pendekatan mempelajari bahasa Arab. Abd Razak Chik dalam kertas kerjanya bertajuk ‘Pendekatan Alternatif Belajar Bahasa al-Quran’ telah mencadangkan pendekatan alternatif yang telah diuji keberkesanannya dengan membuat perbandingan pendekatan tradisional terhadap pencapaian pelajar dalam penguasaan bahasa Arab. Beliau turut mengharapkan ada usaha memanfaatkan pendekatan tersebut oleh pihak-pihak yang terlibat secara khusus seperti JAIPk dan Pejabat Agama Daerah serta pihak-pihak terbabit di peringkat negeri dan negara.



#### 4.4 PENUTUP

Pengkaji mengharapkan hasil kajian ini dapat dimanfaatkan oleh golongan sasaran dalam menilai kekuatan dan kelemahan diri berkaitan kemampuan menyampaikan bahasa Arab mengikut kaedah nahu dan *saraf* yang betul. Individu-individu berkenaan yang terlibat dalam menggunakan bahasa Arab semasa melaksanakan tugas mereka perlu lebih berhati-hati supaya setiap yang disampaikan itu menepati kaedah bahasa berdasarkan pengetahuan yang mantap.

Oleh kerana terdapat hubungan yang begitu rapat di antara ilmu nahu dan *saraf*, maka sewajarnya kedua-dua ilmu ini dipelajari secara bersama. Penguasaan *saraf* perlu disusuli dengan penguasaan nahu supaya kesannya dapat dilihat ketika membina struktur ayat, atau menyampaikan struktur ayat dengan penuh kefahaman terhadap kaedah bahasa. Lantaran itu, kesilapan sifar berkaitan nahu dan *saraf* dapat dicapai.

Pengkaji mengharapkan motivasi setiap individu berkenaan perlu ditingkatkan dalam usaha mendalami kaedah nahu dan *saraf*. Penguasaan ke atas pengetahuan ini perlu bermula dengan proses kesedaran awal terhadap kelemahan diri dan perlu kepada usaha sendiri yang bermotivasi tinggi.

Selain itu, pihak jabatan berkenaan juga bertanggungjawab melihat situasi ini dan mengambil tindakan ke arah memantapkan petugas agama dengan pengetahuan

nahu dan *saraf*. Program-program latihan perlu dilihat merangkumi latihan ke arah mencapai penguasaan bahasa Arab, bukan hanya melibatkan kemahiran pengurusan dan pentadbiran sahaja. Malah kualiti penyampaian berkaitan bahasa juga perlu diberi perhatian.

Pihak jabatan berkenaan juga perlu melihat kemampuan berbahasa Arab mengikut kaedah nahu dan *saraf* dalam kalangan pemohon-pemohon jawatan yang berkaitan dengan hal ehwal Islam. Perkara ini boleh dinilai melalui sijil berkaitan yang dimiliki oleh pemohon dan lebih utama dari itu ialah menguji kemahiran pertuturan dan penyampaian bahasa Arab mengikut kaedah nahu dan *saraf* yang betul. Sehubungan itu, kesilapan ketara yang tidak sepatutnya berlaku seperti meletakkan *tanwi:n* pada perkataan yang dimasukkan *ali:f* dan *la:m* dapat dielakkan.

*Alla:hu a'lam.*